

SUARA SARAWAK



www.suarasarawak.my

Harga: RM1



ARKITEK PENENTU JUARA

Ms. 22



5 GABUNGAN JAMIN KESTABILAN

Ms. 3,4&5



AUTONOMOUS RAPID TRANSIT

The Autonomous Rapid Transit (ART) is a self-driving, self-propelled, self-maintaining and self-repairing system that provides a safe, secure and efficient mode of transport.

- Zero emissions
- Precise system
- Robust

The al L

Kuching Urk

Pr

16

FASA PERTAMA ART...
 Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg bersama-sama yang lain meneliti laluan Fasa 1 Projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) Transit Aliran Automasi (ART) melibatkan 69.9 kilometer, pada majlis pelancaran di Kuching semalam. Foto GHAZALI BUJANG

ART 69.9 KILOMETER

Fasa pertama Projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) Transit Aliran Automasi (ART) melibatkan 69.9 kilometer. Ia membabitkan Laluan Biru yang meliputi Depo Rembus, Kota Samarahan ke Hikmah Exchange Kuching, meliputi 27.6km; Laluan Merah dari Kuching Sentral ke Pending, 12.3km; dan Laluan Hijau dari Pending ke Damai Central, Santubong, sejauh 30km.

Ms. 6&7



Fasa pertama 69.9km



MESRA... Abang Johari bersama-sama kakitangan Sarawak Metro Sdn Bhd pada Majlis Pelancaran Projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching Fasa 1 di tapak cadangan Depo ART di Kuching semalam. Foto GHAZALI BUJANG



SUARA SARAWAK
SYAMIMI HUSNA

suarasarawak.news@gmail.com

KOTA SAMARAHAN: Projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) Transit Aliran Automasi (ART) melibatkan tiga laluan sejauh 69.9 kilometer telah bermula.

Fasa pertama melibatkan Laluan Biru meliputi dari Depo Rembus, Kota Samarahan ke Hikmah Exchange Kuching, meliputi jarak sejauh 27.6km. Manakala, Laluan Merah dari Kuching Sentral ke Pending, meliputi jarak 12.3km serta Laluan Hijau dari Pending ke Damai Central, Santubong, meliputi jarak 30km.

Lebih menarik, perkhidmatan penumpang untuk ART

dijadualkan akan beroperasi secara berperingkat bermula dari suku keempat atau 2025.

Sehubungan itu, pelancaran fasa pertama Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) Transit Aliran Automasi (ART) semalam adalah langkah pertama Kerajaan Sarawak mentransformasikan pengangkutan awam di negeri ini.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, usaha tersebut merupakan inisiatif kerajaan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan yang canggih, efisien dan mesra kepada pengguna.

Menurutnya, pembinaan projek melibatkan perbelanjaan RM6 bilion tersebut akan memberikan perjalanan yang lebih sistemik kepada pengguna selain melestarikan alam sekitar.

"Perbelanjaan tersebut meliputi bahagian Kuching, Samarahan dan Serian serta dijangka akan disiapkan dalam tempoh enam hingga tujuh tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching - Fasa 1 di tapak cadangan Depo Sistem Transit Aliran Automasi (ART) di sini, semalam.

Mengulas lanjut Abang Johari berkata, secara tidak langsung pembinaan ART tersebut dapat meningkatkan taraf hidup rakyat serta membuka peluang pekerjaan kepada penduduk. "Apabila kita mencipta pekerjaan standard yang tinggi, gaji dan pendapatan adalah tinggi. Jika kita mempunyai pengangkutan awam yang

cepat bukan sahaja penduduk tempatan menggunakannya, malah pelancong juga akan tertarik.

"Mereka boleh menggunakan pengangkutan awam untuk mengelilingi tempat seperti tempat tarikan pelancong.

"Ini adalah cara baharu dan hari ini (semalam), kami melancarkan fasa pertama projek KUTS - meliputi garis Biru, Hijau dan Merah di mana ia adalah pengangkutan awam pertama di rantau Asia menggunakan tenaga hijau iaitu hidrogen.

"Ia juga akan menjadi sebahagian dari ekonomi hijau di Sarawak apabila kita menggunakan tenaga hijau bagi menggerakkan pengangkutan awam di negeri ini di samping melestarikan alam sekitar," ujarnya.

Abang Johari berkata, projek KUTS fasa kedua akan menyaksikan sistem ART bermula dari Serian ke Gedong.

"Selain itu, kerajaan juga sedang merancang untuk memperluaskan sistem ART ke kawasan Samalaju dan Kidurong di Bintulu yang akan dapat menampung mereka yang bekerja dalam pelbagai industri di kawasan itu," jelasnya.

Majlis turut menyaksikan pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara Sarawak Metro dengan Universiti Teknikal Mara Sdn Bhd (UniKL), Universiti Teknologi MARA (UITM), dan Pusat Kecemerlangan Teknologi Sarawak Sdn Bhd (CENTEXS).

Pada majlis yang sama, Abang Johari turut menyempakan cek pampasan kepada pemilik tanah yang terjejas akibat pembangunan Depo Rembus.

Jamin keeselesaian penumpang

KOTA SAMARAHAN: Kementerian Pengangkutan Sarawak sedang melihat untuk membangunkan laluan yang menghubungkan batu pertama dan batu terakhir perkhidmatan Transit Aliran Automasi (ART), kata menterianya Datuk Seri Lee Kim Shin.

Menurutnya, ia merupakan sebahagian usaha untuk memastikan Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) menawarkan keeselesaian dan kemudahan yang lebih baik untuk penumpang.

"Bagi tujuan itu, bas hidrogen akan memberi perkhidmatan kepada kawasan terlibat dalam jarak dua kilometer (km) dari setiap stesen.

"Sarawak Metro mempertimbangkan untuk menambah bilangan bas sekiranya terdapat permintaan yang lebih besar pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Fasa Pertama Projek KUTS yang disempurnakan oleh Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di tapak cadangan Depot ART di Kota Samarahan, semalam.

Tambahnya, Sarawak Metro juga telah berunding dengan pelbagai pemain industri pengangkutan tempatan mengenai cara untuk menambah baik perhubungan dan sambungan laluan bagi batu pertama dan terakhir.

"Kesalinghubungan batu pertama dan terakhir ini adalah penting untuk merealisasikan potensi penuh perkhidmatan ART dan saya gembira kerana Sarawak Metro memandang serius perkara ini.

"Justeru, dengan adanya perkhidmatan ART, sistem pengangkutan awam Sarawak pada masa hadapan juga akan lebih inklusif dari segi sosial dengan memastikan orang kelainan upaya (OKU) turut mendapat akses yang lebih baik kepada sistem pengangkutan awam moden dan cepat.

"Ini bermakna kita mesti menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi memudahkan semua orang berulang-alik dengan selesa dan mudah," jelasnya.

Mengenai isu kesesakan lalu lintas, beliau memberitahu bagi menanganinya kementerian akan melihat pelbagai jalan penyelesaian yang berdaya maju.

"Kerajaan Sarawak sedang melihat pilihan untuk memasang lampu isyarat pintar di bawah projek lampu isyarat Kuching-Samarahan Expressway bagi menangani isu kesesakan trafik di Kota Samarahan," ujarnya.

Pembinaan 3 laluan bermula



SUARA SARAWAK
ZARINA ABDULLAH

suarasarawak.news@gmail.com

KOTA SAMARAHAN: Penanda aras baharu bagi sistem pengangkutan awam Sarawak apabila Fasa Satu Projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS) dilancarkan secara rasmi, semalam.

Ia sekali gus menandakan permulaan kerja-kerja lanjutan untuk depot Transit Aliran Automasi (ART) yang terletak di Kota Samarahan dengan Sarawak Metro, anak syarikat milik sepenuhnya Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya. Pengerusi SEDC Tan Sri

Datuk Amar Abdul Aziz Husain berkata, projek tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dengan fasa satu - untuk membangunkan Laluan Biru, Laluan Merah dan Laluan Hijau.

"Pelancaran hari ini bertepatan dengan permulaan kerja-kerja lanjutan untuk depot ART yang terletak di Kota Samarahan atau yang kita rujuk sebagai Depot Rembus.

"Depot Rembus yang dibina di atas tapak seluas 80 ekar, ini juga akan menjadi depot untuk bas hidrogen projek KUTS serta kilang pengeluaran hidrogen SEDC Energy Sdn Bhd.

"Kemudahan lain yang terdapat di depot ini termasuk untuk mengisi bahan api hidrogen, landasan ujian, loji cuci automatik, bengkel mekanikal

dan infrastruktur serta bangunan pentadbiran," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran, semalam.

Tambahnya, Depot Rembus itu dijadualkan mula beroperasi pada suku keempat 2025, serentak dengan pembukaan fasa satu perkhidmatan penumpang ART untuk Laluan Biru.

"Tunjang belakang projek KUTS sudah tentu adalah ART yang dikuasakan oleh bahan bakar hidrogen.

"ART ini akan disokong oleh rangkaian bas berkuasa hidrogen yang akan menghubungkan perjalanan dari batu pertama dan terakhir KUTS.

"Setakat ini katanya, Sarawak Metro sudah menganugerahkan kontrak bagi Sistem Pakej 1 dan Sistem Pakej 2 bagi Projek KUTS

masing-masing pada Julai dan November.

Kontrak Sistem Pakej 1 bernilai RM1.425 bilion adalah untuk pembekalan kereta api, iaitu kenderaan ART berkuasa hidrogen, peralatan depot dan kenderaan penyelenggaraan, sistem isyarat dan kawalan dan gerbang platform automatik.

Bagi Pakej Sistem 2 bernilai RM448 juta adalah untuk pembekalan telekomunikasi, kawalan penyediaan dan perolehan data, kutipan tambang automatik, sistem pengurusan penyelenggaraan berkomputer, pusat kawalan operasi dan sistem teknologi maklumat.

Selain itu, yang terbaharu ialah pemberian kontrak pembinaan dan penyiapan kerja-kerja lanjutan Depo Rembus yang bernilai RM64.3 juta.